



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**2 DISEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 427 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 234,127 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kinabatangan manakala masing-masing satu (1) kes di Kota Marudu, Kota Kinabalu, Beaufort dan Penampang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 475 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 223,788 orang. Manakala 1,448 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 632 orang di hospital, 790 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 24 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 67 orang merangkumi 66 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 45 (23.68%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu COVID-19 bagi Negeri Sabah hari ini ialah 427 kes, penurunan 40 kes berbanding jumlah kelmarin.
- b. Terdapat enam (6) buah daerah mencatatkan kes di atas paras 20 kes iaitu Kota Kinabalu 78 kes, Penampang 58 kes, Tuaran 47 kes, Papar 29 kes, Beaufort 27 kes dan Ranau 22 kes. Sebanyak 21 daerah lagi merekodkan kes di bawah paras 20 kes dengan 14 daripadanya hanya merekodkan satu (1) angka dan tidak ada kes baharu di empat (4) daerah.
- c. Hampir 98% daripada semua kes di Sabah hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 yang hanya memerlukan rawatan dan pemantauan di rumah atau di PKRC sahaja. Sebanyak tiga (3) pesakit dalam Kategori 3, seorang dalam Kategori 4 dan juga seorang pesakit dalam Kategori 5. Empat (4) pesakit lain masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (207) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	2	0.47%
2	Bergejala	174	40.75%
3	Kontak	207	48.48%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	44	10.30%
<b>JUMLAH</b>		<b>427</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (1 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 01/12/2021	Catatan Kes 02/12/2021	Perbandingan
1	Penampang	36	58	+22
2	Kuala Penyu	9	17	+8
3	Kudat	10	14	+4
4	Tambunan	6	9	+3
5	Pitas	6	9	+3
6	Semporna	0	3	+3
7	Ranau	20	22	+2
8	Keningau	15	17	+2
9	Kinabatangan	3	4	+1
10	Nabawan	0	0	Mendatar
11	Kunak	0	0	Mendatar
12	Kalabakan	0	0	Mendatar
13	Kota Marudu	28	15	-13
14	Sandakan	20	7	-13
15	Kota Belud	29	18	-11
16	Sipitang	18	7	-11
17	Tuaran	54	47	-7
18	Beaufort	34	27	-7
19	Kota Kinabalu	83	78	-5
20	Papar	34	29	-5
21	Lahad Datu	11	6	-5
22	Putatan	19	16	-3
23	Tawau	10	7	-3
24	Telupid	3	1	-2
25	Tenom	12	11	-1
26	Beluran	6	5	-1
27	Tongod	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>467</b>	<b>427</b>	<b>-40</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (18 November – 01 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	2	31	30	0	15	78	1,116
Penampang	0	26	29	0	3	58	516
Tuaran	0	26	14	0	7	47	672
Papar	0	18	11	0	0	29	393
Beaufort	0	13	14	0	0	27	314
Ranau	0	10	8	0	4	22	408
Kota Belud	0	4	11	0	3	18	509
Keningau	0	7	10	0	0	17	231
Kuala Penyu	0	15	2	0	0	17	172
Putatan	0	13	3	0	0	16	228
Kota Marudu	0	8	7	0	0	15	324
Kudat	0	7	7	0	0	14	179
Tenom	0	7	3	0	1	11	227
Pitas	0	4	2	0	3	9	73
Tambunan	0	5	4	0	0	9	111
Sandakan	0	0	7	0	0	7	115
Sipitang	0	1	4	0	2	7	139
Tawau	0	1	5	0	1	7	103
Lahad Datu	0	3	2	0	1	6	80
Beluran	0	5	0	0	0	5	95
Kinabatangan	0	2	1	0	1	4	225
Semporna	0	0	0	0	3	3	9
Telupid	0	1	0	0	0	1	84
Tongod	0	0	0	0	0	0	62
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	9
Kunak	0	0	0	0	0	0	10
Nabawan	0	0	0	0	0	0	13
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>207</b>	<b>174</b>	<b>0</b>	<b>44</b>	<b>427</b>	<b>6,417</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Lautan Biru Pantai	2
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,802 unit

- Hospital 1,341 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,971 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.15%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 02 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	425
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>427</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
China	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	412
Bukan Malaysia	15
<b>Jumlah</b>	<b>427</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	88
Belum Menerima Vaksin	41
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	297
<b>Jumlah</b>	<b>427</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	25
6 to 11	57
12 to 17	20
18 to 25	55
26 to 59	216
>60	48
<b>Jumlah</b>	<b>427</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 01 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,194 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,894 orang adalah penduduk dewasa dan 300 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 01 Disember 2021 adalah seramai 2,440,728 orang. Ini meliputi 2,106,413 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.36% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,391,374 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,083,395 orang atau 75.53% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,315 orang atau 77.03% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 307,979 atau 70.96% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,568** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,120 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 120 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,027 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak tiga (3) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Keningau.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 280 premis perniagaan dan 380 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 332 Premis Perniagaan melibatkan 179 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 15 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 91 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Kinabalu	98.5%
2	Semporna	98.5%
3	Kota Marudu	98.5%
4	Beaufort	98.5%
5	Sandakan	98.5%
6	Kunak	98.5%
7	Penampang	98.5%
8	Kudat	98.4%
9	Keningau	98.4%
10	Beluran	98.4%
11	Tawau	98.4%
12	Tuaran	98.4%
13	Papar	98.4%
14	Tenom	98.4%
15	Sipitang	98.4%
16	Kota Belud	98.4%
17	Kinabatangan	98.4%
18	Lahad Datu	98.4%
19	Ranau	98.4%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**